

Pusat Tahfiz Terbakar – Kerajaan Persekutuan Ambil Keprihatinan

ZAHIDHAMIDI.COM

October 2, 2017

Satu iktibar bagi kita rakyat Malaysia terhadap kejadian Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Ujung, Kuala Lumpur minggu lepas. Saya merasa sungguh sedih dan terkesan atas tragedi kebakaran dilokasi kejadian yang melibatkan bilik penginapan pelajar-pelajar tahfiz ini. Seramai 21 pelajar dan 2 guru yang juga merupakan warden terkorban dalam kejadian tersebut. Kebanyakan mangsa yang meninggal dunia lebih muda berbanding mereka yang sempat menyelamatkan diri. Dirangkumkan sejak tahun 1989 hingga insiden terbaharu ini, sebanyak 39 kebakaran maahad tahfiz telah berlaku melibatkan 56 kematian dengan 54 daripadanya adalah pelajar.

Berbangkit kepada unsur jenayah, kami di KDN memberi jaminan tidak ada pihak yang akan terlepas sekiranya wujud perbuatan jenayah dalam tragedi kebakaran yang berlaku di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah baru-baru ini. Sekiranya wujud unsur khianat dalam kejadian itu, tindakan tegas akan menanti pesalah. Walaupun mungkin kita berbeza pendapat atau pandangan atau kepentingan tertentu, tetapi soal nyawa tidak ada batas kemanusiaan. Kita tidak harus menggunakan kehidupan nyawa anak-anak ini sebagai bahan perbezaan pendapat jika ada perbezaan pendapat.

Pendirian kerajaan tidak berhasrat untuk mengambil alih dan campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran maahad tahfiz dan sekolah agama rakyat swasta. Namun demikian, saya meminta pemilik mana-mana Maahad Tahfiz atau Sekolah Agama Swasta perlu mendaftar dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam di negeri masing-masing agar pemantauan dan bantuan dapat dilakukan. Satu dasar mengenai sekolah agama dan pondok akan diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi kuasa untuk mengambil tindakan masih tertakluk kepada negeri masing-masing. Sekolah Tahfiz serta Sekolah Agama Rakyat, berada di bawah kerajaan Negeri malah dalam Perlembagaan Persekutuan sendiri ada menyebut Sultan dan Raja-raja Melayu yang mengetuai agama Islam dalam negeri masing-masing. Pendekatan disini kita perlu ada satu cara kerjasama

yang harmoni dan tertib berkaitan hal ini. Kerajaan Pusat tidak berhasrat untuk mengambil alih ataupun kita mahu merampas hak negeri-negeri berkenaan tetapi kita berhasrat untuk melakukan penyelarasan yang terbaik untuk rakyat keseluruhannya.

Di mesyuarat yang baharu saja saya Pengerusikan berkenaan kekajian Pusat Tahfiz telah menyenaraikan 6 syor berkaitan isu sekolah agama swasta termasuk maahad tahfiz, untuk dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet termasuklah pindaan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Ini membolehkan kerajaan Persekutuan menyelaraskan pentadbiran dan memberi bantuan kewangan kepada sekolah agama swasta termasuk Maahad Tahfiz. Dalam mesyuarat ini, kami turut bersetuju menubuhkan jawatankuasa penyelarasan bersifat kekal bagi memantau pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR), Maahad Tahfiz dan pondok agama di seluruh negara.

Ketika ini terdapat 940 maahad tahfiz swasta dengan lebih 150,000 pelajar berdaftar dengan Persatuan Madrasah Tahfiz Malaysia namun hanya 612 pusat yang berdaftar dengan kerajaan Negeri dan Kementerian Pendidikan. Ini bermakna kira-kira 321 maahad tahfiz tidak berdaftar atas alasan khuatir kononnya kerajaan negeri atau kerajaan Persekutuan mahu ambil alih (Pusat) tahfiz mereka.

Dalam aspek keselamatan, pembentukan kerangka kriteria kelulusan penubuhan dan pengurusan maahad tahfiz di seluruh negara turut disyorkan dengan spesifikasi piawaian ditentukan pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) dan agensi-agensi berkaitan. Turut dicadangkan ia bagi premis maahad tahfiz, sekolah agama, rumah anak yatim, rumah orang tua dan pusat asuhan kanak-kanak harus mematuhi piawaian keselamatan.

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dijemput menyertai pasukan petugas khas bagi menyelaraskan aspek keselamatan di sekolah termasuk tahfiz. Ini bagi memudahkan dan memantapkan lagi aspek keselamatan sedia ada di bawah Kementerian Pendidikan. Kita juga akan menggalakkan penubuhan pasukan bomba sukarela di premis-premis yang disenaraikan. Cadangan selanjutnya, agar kerajaan

persekutuan dan kerajaan negeri bertanggungjawab secara bersama menyelaraskan pentadbiran dan menyalurkan bantuan kewangan, jika perlu.

Kejadian terbaru ini seharusnya menjadi pengajaran kepada kita semua dan sudah tiba masanya untuk kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengkaji isu ini secara mendalam dan mencari penyelesaian terbaik.

Hakcipta terpelihara @ Ahmad Zahid Hamidi 2017

Source: <https://zahidhamidi.com/pusat-tahfiz-terbakar-kerajaan-persekutuan-ambil-keprihatinan/>